
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2005/2006

April / Mei 2006


EAH 225/3 – Hidraulik

Masa : 3 jam

Arahan Kepada Calon:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** muka surat bercetak termasuk lampiran sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **LIMA (5)** soalan. Markah hanya akan dikira bagi **LIMA (5)** jawapan **PERTAMA** yang dimasukkan di dalam buku mengikut susunan dan bukannya **LIMA (5)** jawapan terbaik.
3. Tiap-tiap soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia **KECUALI** bagi soalan no. 5 dan 6 boleh dijawab dalam Bahasa Inggeris.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

1. (a) Aliran dalam sebuah saluran lebar dengan unit luahan sebanyak $10 \text{ m}^2/\text{s}$ pada kedalaman aliran 0.15 m menghasilkan sebuah lompatan hidraulik. Kira peratus kehilangan tenaga akibat lompatan hidraulik tersebut. (8 markah)
- (b) Rajah 1 menunjukkan sebuah saluran majmuk yang membawa kadar alir rekabentuk $500 \text{ m}^3/\text{s}$. Jika pekali kekasaran Manning bagi saluran utama adalah 0.035 dan bagi dataran banjir pula adalah 0.1 , kira cerun saluran bagi membawa kadar alir rekabentuk tersebut.



Rajah 1

(12 markah)

2. (a) Ciri-ciri aliran bagi Sungai Kulim adalah seperti berikut:

Lebar saluran	= 25 m
Cerun saluran	= 0.00125
Halaju aliran	= 0.5 m/s
Kedalaman aliran	= 1.0 m
Purata saiz endapan	= 1.5 mm

Semak jika hakisan dasar berlaku dengan menggunakan Diagram Shields dalam Jadual 1.

(10 markah)

- (b) Kira beban endapan dasar dengan menggunakan persamaan Graf.

(10 markah)

Jadual 1 : Diagram Shields

D_{gr}	$\frac{\tau_c}{\rho g (S_s - 1) d}$
$D_{gr} \leq 4$	$0.24 D_{gr}^{-0.1}$
$4 < D_{gr} \leq 10$	$0.14 D_{gr}^{-0.64}$
$10 < D_{gr} \leq 20$	$0.04 D_{gr}^{-0.10}$
$20 < D_{gr} \leq 150$	$0.013 D_{gr}^{0.29}$
$D_{gr} > 150$	0.055

3. (a) Terangkan dengan ringkas mengenai kehilangan berikut apabila paip :

- operasi selari; dan
- operasi bersiri

(4 markah)

- (b) Tentukan jumlah kehilangan turus dan kuasa pam untuk sistem paip seperti di Rajah 2. Ciri sistem paip adalah seperti berikut:


Diameter paip = 0.15 m

Panjang paip = 180 m

Kekasaran paip = 0.025 mm

Kadar alir dari tangki 1 ke tangki 2, $Q = 225 \text{ m}^3/\text{jam} = 0.0625 \text{ m}^3/\text{s}$

Ketumpatan cecair, $\rho = 1000 \text{ kg/m}^3$




$$h = \frac{kv^2}{2g}; P = \gamma h Q$$

Rajah 2

(16 markah)

4. (a) Air mengalir dari tangki A ke tangki B dengan kadar $0.05\text{m}^3/\text{jam}$. Cari nilai kehilangan turus, sekiranya paip tersebut adalah paip keluli tersebut mempunyai kekasaran 0.1mm .



$$h_L = f \left(\frac{L}{D} \right) \left(\frac{V^2}{2} \right) \quad Re = \frac{\rho V D}{\mu}$$

Rajah 3

(16 markah)

- (b) Terangkan konsep kehilangan kecil dan nyatakan **TIGA** (3) contoh-contoh.

(4 markah)

5. (a) Nyatakan dan terangkan Theorem 'Buckingham Pi'.

(4 markah)

State and explain Buckingham Pi Theorem.

- (b) Definisikan terma Similitud dan Analisis Berdimensi.

(4 markah)

Define the terms Similitude and Dimensional Analysis.

- (c) Sebuah pam berkuasa $59,680$ watt digunakan untuk sebuah sistem bekalan air. Sebuah model berskala $8:1$ dibangunkan untuk kajian sistem tersebut. Sekiranya nisbah kelajuan adalah $2:1$, tentukan kuasa yang perlu untuk model pam tersebut.

(12 markah)

A $59,680$ watt pump is used to power a water supply system. The model constructed to study the system has an $8:1$ scale. If the velocity ratio is $2:1$, determine the power needed for the model pump.

6. (a) Bezakan antara pam dan turbin.

(5 markah)

Distinguish between a pump and a turbine.

- (b) Sebuah turbin pelton direka mempunyai ciri-ciri berikut: kuasa dijanakan = 6000kW; jumlah turus bersih = 300m; halaju = 550 rpm; nisbah diameter jet dengan diameter roada = 1/10; efficiensi $\eta = 85\%$. Andaikan koeffisien halaju $C_v = 0.98$ dan faktor halaju $\phi = 0.46$.

Tentukan:

- (i) kadar alir yang perlu
- (ii) diameter roda Pelton
- (iii) diameter jet
- (iv) bilangan jet

(15 markah)

A Pelton wheel has to be designed for the following data: Power to be developed = 6000 kW; net head available = 300 m; speed = 550 rpm; ratio of jet diameter to wheel diameter = 1/10; overall efficiency, $\eta = 85\%$; Assume velocity coefficient, $C_v = 0.98$ and speed factor $\phi = 0.46$.

Determine:

- (i) The volumetric flow rate required
- (ii) The Pelton wheel diameter
- (iii) The diameter of the jet and
- (iv) The number of jets

